

Dikuatkuasa selepas diperakukan

20 JUN 1994

KUALA LUMPUR 19 Jun — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pindaan Perlembagaan UMNO yang diluluskan sebulan suara hari ini akan berkuatkuasa selepas diperakukan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Beliau berkata, tindakan terhadap mana-mana aduan dan ahli-ahli UMNO terbabit bagaimanapun hanya melibatkan kesalahan akan datang dan bukannya sebelum pindaan perlembagaan berkuatkuasa.

Dr. Mahathir juga memberi jaminan UMNO akan mengumumkan kepada media massa nama-nama ahlinya yang dipecat setelah didapati terlibat dalam politik wang.

"Kalau ada sebarang pemecatan atau apa-apa tindakan kita akan beritahu akhbar," katanya dalam persidangan akhbar yang diadakan selepas Perhimpunan Agung khas UMNO di sini lewat petang ini.

Mengenai kriteria pe-

milihan calon UMNO dalam pilihanraya, Perdana Menteri berkata, UMNO hanya mengambil kira faktor 'kebersihan' (bebas dari politik wang) seseorang ahlinya dalam pemilihan itu.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata, jika terdapat aduan, UMNO juga akan meminta bukti perbuatan salah laku atau politik wang seseorang calon UMNO sebelum ia dipilih sebagai calon pilihanraya.

Menghapuskan

Presiden UMNO itu bagaimanapun mengakui adalah sukar untuk menghapuskan sepenuhnya sebarang penyelewengan dalam parti itu.

"Bagaimanapun jika kita boleh sekurang-kurangnya membanteras sebahagian besar penyelewengan, saya ingat ia merupakan satu kejayaan," kata Dr. Mahathir.

Beliau memberitahu, UMNO tidak akan dapat mengambil sebarang tindakan terhadap mana-

mana aduan yang kekurangan bukti.

Menurut beliau, walaupun UMNO tidak mempunyai 'pasukan polis'nya untuk mencari ahli-ahli yang terlibat dalam salah laku tetapi ia sedia menyalut jika mendapat sebarang maklumat.

"Tindakan yang diambil oleh UMNO merupakan tindakan dalaman, umpamanya jika Badan Pencegah Rasuah dikenakan hukuman penjara,

tapi jika UMNO tidak ambil tindakan, tokoh UMNO terbabit masih kekal berpengaruh dalam parti," katanya.

Melibatkan

Pindaan Perlembagaan UMNO kata Dr. Mahathir, bagaimanapun hanya melibatkan ahli UMNO dan tidak kepada orang luar.

"Jika kita dapat tahu dia (ahli UMNO) terlibat dengan sahabat (orang

luar) ahli UMNO berkeanaan juga akan dikenakan hukuman," tegasnya.

Ditanya mengenai usul Pergerakan Wanita UMNO supaya aduan terus dilaporkan kepada peringkat Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mahathir berkata: "Jika terdapat sekatan pada peringkat cawangan dan bahagian, kita adakan saluran supaya aduan disampaikan kepada jawatankuasa disiplin, caranya akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi."